

BAB LIMA

BAB KELIMA

PENUTUP

5.1 Kesimpulan

Berdasar kajian serta pemerhatian penulis setelah bersama-sama dengan golongan masyarakat mualaf negeri Selangor serta bersama-sama dengan jentera penggerak Unit Dakwah Saudara Kita, Jabatan Agama Islam Selangor yang telah dirakamkan dalam empat bab yang awal menunjukkan bahawa hak mualaf adalah amanah Allah kepada pihak berkuasa tempatan juga kepada pihak kerajaan yang bertanggungjawab untuk menjaga hal ehwal kepentingan umat Islam.

Sesuatu masalah tidak mungkin dapat diuruskan dengan baik dan sempurna kecuali ianya difahami secara benar dan menyeluruh. Begitulah juga dengan masalah dalam menyempurnakan hak masyarakat mualaf. Untuk menguruskannya dengan berkesan, ia mesti dengan perspektif yang menyeluruh dan konsisten.

Faktor pendidikan dan kefahaman *taṣawwur* Islam adalah penting untuk masyarakat mualaf yang baru memeluk Islam. Dengan ini satu jangkamasa perolehan hak mualaf dapat dianggarkan. Ini bagi mengelakkan individu tertentu mengambil peluang untuk mendapat sara hidup sepanjang hayat tanpa berusaha dengan alasan mualaf.

Begini juga penentuan yang jelas tentang mualaf yang belum memeluk Islam, agar peruntukan bagi kerja-kerja dakwah penerangan tidak tergendala dan bersifat bermusim atau ‘hangat-hangat tahi ayam’.

Secara umumnya golongan mualaf dirujukkan kepada seseorang yang baru memeluk Islam dan pegangan Islamnya masih dalam keadaan lemah. Penulis bersetuju dengan definisi ini, tetapi dalam aspek dakwah utama dalam masyarakat majmuk berbilang kaum di Malaysia, definisi ini mestilah diperluaskan kepada masyarakat *non-muslim* yang ingin mempelajari Islam dengan lebih dekat lagi sebagaimana definisi al marhum Sayyid Quṭb dalam kitab tafsirnya *Fī Zilāl al-Qur'ān*.⁶⁹

Rangkaian hak kebijakan untuk diperuntukan kepada golongan mualaf oleh syara’ mestilah ditangani dengan bijak oleh pemerintah. Sebab itulah penentuan layak atau tidak layak untuk menerima hak dari peruntukan mualaf ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan. Ini bagi mengelakkan golongan yang hati mereka berpenyakit dari mengambil peluang merebut hak mualaf lain yang memerlukan.

⁶⁹ Sayyid Qutb (1993) , *Fī Zilāl al-Qur'ān* , Cet. 21 , Jld 3 , Kaherah ; Dār al-Syurūq, m.s. 1669.

Pada pandangan saya, kaedah mengatasi masalah ini sedang menjalani satu proses kematangan dalam menyempurnakan hak-hak yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. Yang lazimnya dikemukakan dan dilaksanakan, jelas memperlihatkan ia terpengaruh kuat dengan nilai material dan luaran manusia, walau dari apa jua perspektif disiplin permasalahan mualaf itu dilihat.

Persoalan-persoalan seperti memahami sosio-budaya hidup masyarakat mualaf, daya kualiti dalam operasi mendekati masyarakat mualaf, dan perkara yang bersangkutan dengannya jelas kurang diberi penekanan telah membuktikan pandangan ini. Kalau pun ada perkara-perkara yang berbenih *non-material*, ianya hanya berkisar pada luaran sahaja. Misalnya ialah persoalan-persoalan berkenaan dengan hak mencari ilmu, hak untuk memperoleh pekerjaan, hak ke atas rumahtangga dan kehidupan. Hak untuk dilindungi dari aspek perundangan.

Namun disana ada masalah besar bersifat *non material* yang perlu dilihat bersama secara besar dan diharungi dengan *vision will* yang besar juga. Halangan itu ialah fahaman anti-agama yang semakin menular hebat.

Terkini fahaman anti-agama menjadi agama baru kepada dunia. Fahaman serta ideologi sekularisme, individualisme, hedonisme, materialisme saban hari disogok dan dipaksakan kepada umat Islam. Agama kini tidak dilihat sebagai tuntutan utama kehidupan, sebaliknya ia sekadar keperluan

budaya yang bukan *fundamental*. Fahaman seperti ini mulai dianut khususnya generasi muda. Hasil serta kesannya telah merubah serta melonggarkan nilai-nilai agama di kalangan umat Islam. Akibat daripada serangan budaya serta faham anti agama, masyarakat Islam tidak lagi menghiraukan suruhan agama, kepekaan kepada agama semakin kurang dan pelanggaran kepada syariat semakin banyak. Oleh itu, lahirlah masyarakat yang tidak memperdulikan apa yang berlaku dipersekitarannya.

Masalah ini juga sebenarnya membentengi pemikiran golongan mualaf atau saudara baru. Kajian saya menunjukkan bahawa golongan memeluk Islam dari kalangan belia dan awal remaja semakin meningkat. Perkara ini perlu dipandang utama oleh pasukan dakwah atau agensi berkenaan di peringkat kerajaan atau bukan kerajaan dan diletakkan dalam isu-isu utama dalam program penerangan Islam. Bermakna kita perlu ada pendekatan sukatan khusus untuk remaja mualaf.

Objektif kajian ini akhirnya mengesyorkan pihak berkenaan supaya menggunakan pendekatan baru dalam menyalurkan hak dan kebajikan berdasarkan keperluan, perubahan masa juga kepelbagaiannya latar belakang masyarakat mualaf. Sebagai contoh pendidikan yang diberikan pada peringkat asas hendaklah *mesra mualaf* dan ceria.

5.2- Saranan buat mualaf

Islam kini dianuti oleh lebih daripada satu bilion manusia menjadikannya salah satu agama yang terbesar di dunia. Islam pernah menguasai dua pertiga daripada penjuru dunia ini menjangkaui lima benua dan tujuh lautan.

Tinggalan tamadun Islam masih dapat dilihat sehingga ke hari ini. Walaupun empayar kegemilangan Islam hanya tinggal dalam lipatan sejarah tetapi perkembangan Islam masih lagi berlangsung sehingga masa kini.

Ini dapat diperhatikan melalui bilangan mereka yang menganut agama Islam bukan sahaja di negara kita tetapi juga negara-negara lain hatta di Barat sekalipun. Sekiranya setiap daripada umat Islam melaksanakan tanggungjawab untuk menyampaikan risalah Islamiyyah itu sekalipun dengan sepatah perkataan nescaya perkembangan Islam itu akan berlaku dengan lebih cepat dan rancak lagi. Tetapi malangnya ramai daripada umat Islam gagal melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan sewajarnya.

Akibatnya tugas dan peranan untuk menyampaikan Islam itu diletakkan di atas pundak mereka yang bergelar pendakwah semata-mata.

Sedangkan setiap daripada umat Islam juga harus memainkan peranan tersebut tidak terkecuali para saudara baru. Sekiranya saudara baru dapat berbuat demikian maka ia akan lebih memudahkan proses pendakwahan itu sekaligus membantu memperkembangkan Islam itu di kalangan bangsa dan kaumnya sendiri.

Namun begitu, peranan para saudara baru dalam perkara ini tidak begitu menonjol. Malahan bilangan mereka yang menjadi pendakwah masih lagi boleh dibilang dengan jari.

Barangkali ini disebabkan oleh perasaan rendah diri para saudara yang merasakan diri mereka masih lagi jahil dan belum mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi tentang Islam. Tidak kurang juga menganggap tugas dan peranan itu lebih sesuai dilaksanakan oleh *born muslim* yang mempunyai latar belakang pengajian Islam .

Tanggapan dan persepsi ini perlu diperbetulkan supaya golongan mualaf juga dapat berperanan serta memainkan peranannya dengan mengikut kemampuan masing-masing.

Di kalangan mereka yang mempunyai kelulusan dalam disiplin ilmu yang amat diperlukan dalam sebaran dakwah seperti disiplin bahasa asing, kajian peradaban antara tamadun, sarjana dalam bidang komunikasi dan ada

juga yang datang dari pengurusan perniagaan dan pentadbiran. Sekurang-kurang kemampuan masyarakat mualaf ini ialah pengetahuan dalam bahasa ibunda serta pengalaman dalam agama asal yang merupakan aset untuk *comparative religion*.

Kalau tenaga mualaf ini tidak dimanfaatkan maka ia merupakan satu pembaziran dan pemborosan tenaga yang tidak sepatutnya dibiarkan berlaku. Memang tidak dinafikan untuk menjadi pendakwah yang berkesan ia memerlukan latihan dan ilmu pengetahuan. Tetapi ia bukan merupakan halangan atau sekatan berdakwah.

Rasulullah SAW bersabda :

بلغوا عنى ولو آية

Bermaksud: “ Sampaikan dariku walaupun satu ayat (nasihat agama)”

Sesungguhnya syarat utama untuk membolehkan Islam itu disampaikan atau diterima oleh masyarakat *non-muslim* ialah ilmu serta hikmah kebijaksanaan. Mungkin dengan hanya akhlak yang baik akan menyebabkan kawan-kawan yang *non muslim* berusaha untuk memahami ajaran Islam atau sekurang-kurang terhapus tanggapan negatif mereka terhadap ajaran Islam itu sendiri.

Namun ia boleh diusahakan dengan insentif-insentif yang menarik disamping *input* juga kesedaran iman dan rasa tanggungjawab serta amanah

dalam menyebarkan agama kepada *non-muslim* sekurang-kurangnya kepada saudara mara yang terdekat.

Oleh itu, sudah tiba masanya, para mualaf keluar daripada lingkungan mereka sendiri dengan menjadi sebahagian daripada anggota masyarakat yang aktif. Ini dapat dilakukan dengan dorongan dan sokongan yang diberikan oleh umat Islam dan pertubuhan yang dianggotainya. Di negara kita, wujud begitu banyak persatuan yang menjaga kepentingan saudara baru.

Persatuan dan pertubuhan ini perlu memainkan peranan bukan sahaja dalam bidang kebajikan saudara baru tetapi juga pendakwah di kalangan *non-muslim*. Kalau boleh buat program dengan masyarakat Cina ataupun India dengan lebih giat lagi supaya hubungan yang berterusan dapat dijalin dengan *non-muslim*. Tetapi apa yang berlaku adalah di sebaliknya di mana ramai saudara baru seolah-olah 'memutuskan' perhubungan mereka dengan masyarakat *non-muslim* termasuk ibu bapa dan keluarganya sendiri.⁷⁰

Islam tidak pernah mengajarkan umatnya memutuskan hubungan apalagi melibatkan persaudaraan. Perbuatan ini hanya akan menyebabkan masyarakat *non-muslim* semakin menjauhi Islam dengan mempunyai prasangka buruk terhadap para penganutnya tidak terkecuali para mualaf atau saudara baru. Segala bentuk persepsi negatif menangani Islam hanya dapat

⁷⁰ Lihat Jadual 8 bahagian dua dalam bab 4 : Hubungan dengan keluarga asal selepas mengikut Islam.

dihapuskan kalau para mualaf atau saudara baru ini dapat berperanan dengan penuh hikmah.

Sememangnya diakui ada di antara saudara baru dipukul, disepak terajang, dihalau oleh keluarga dan disingkirkan oleh masyarakatnya tetapi ia tidak seharusnya dijadikan sebagai alasan untuk tidak berbuat apa-apa bagi kepentingan dan perkembangan Islam. Kalau dibandingkan dengan masyarakat Islam dahulu, keadaan kita sebenarnya jauh lebih baik lagi.⁷¹⁷²

Tekanan dan tindakan yang dilakukan oleh masyarakat Arab jahiliyyah terhadap Rasulullah s.a.w. dan para pengikut Islam pada masa itu lebih dahsyat daripada yang dialami oleh saudara baru. Tetapi segala cabaran itu dihadapi oleh hati yang tabah dan tidak sesekali memudarkan usaha untuk menyebarkan Islam di kalangan mereka yang belum Islam.⁷³

Semakin umat Islam ditekan semakin kuat kegigihan mereka untuk menyampaikan risalah Islamiyyah sehingga akhirnya Islam itu bukan sahaja tersebar di kalangan masyarakat Arab jahiliyyah tetapi juga bangsa-bangsa lain yang hidup dalam lingkungan budaya, bahasa dan adat resam yang berbeza.

⁷¹ Lihat Jadual 6 : Reaksi awal keluarga selepas memeluk Islam.

⁷² Encik Abdul Latif Satiran, Pengurus al-Hidayah, temubual 22 November 2000

⁷³ Sayf al-Dīn al-Mubārakfūri 1988, *Al-Rāhiq al-Makhtūm*, Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, Bāyrut – Lebanon, m.s. 78.

Apa yang berlaku itu seharusnya dijadikan sebagai iktibar dan teladan kepada golongan masyarakat mualaf untuk turut membabitkan diri dalam kerja-kerja dakwah ini.

Sesungguhnya mualaf mempunyai misi dakwah ini. Adalah tidak adil tugas ini dilakukan oleh beberapa kerat individu daripada golongan mereka. Sekiranya kesemua mualaf baru dapat digunakan untuk tujuan tersebut saya percaya ia akan membantu menjayakan berbagai kegiatan dakwah di negara kita sekaligus memberikan kesan yang positif terhadap proses Islamisasi di negara kita.

5.3 Cadangan dan saranan kepada Unit Dakwah Saudara Kita

Mengurus hak mualaf menurut Islam bererti mengurus masalah mualaf, jiwa dan material mereka sekaligus, bukan mengurus hal yang bersifat material semata-mata. Tidak mungkin permasalahan hak material dapat diselesaikan sekiranya masalah kejiwaan atau kerohanian tidak diurus, apatah lagi diabaikan. Islam menyediakan kedua-dua bentuk pengurusan hak kejiwaan dan material ini. Bagi mengurus hak jiwa, ada kaedahnya; manakala untuk mengurus hak material, ada mekanisme-mekanisme yang disediakan.

5.3.1. Program susulan ilmu

Satu perkara yang perlu diselidiki oleh pihak Unit Dakwah Saudara Kita ialah kurang keberkesanan dalam penghayatan pendidikan agama Islam dalam program-program pengukuhan iman yang diadakan. Masyarakat mualaf masih tidak dapat menghayati perkara yang terkandung dalam sukanan pendidikan Islam. Penekanan lebih kepada penguasaan maklumat dari penghayatan nilai seperti nilai taqwa. *Follow-up* amat diperlukan bagi meminimakan masalah ini.

Ini adalah kerana mereka sudah lama meninggalkan penghayatan moral dalam hidup, maka satu modul khas berkenaan dengan “ pendidikan kejiwaan asas ” bersumberkan pengajian tasyaaf bagi meneguhkan kejiwaan masyarakat golongan ini. Mereka mesti dielakkan dengan gambaran bahawa Islam itu payah dengan pendedahan yang bertalu-talu dengan disiplin feqh harian.

Aplikasi pengajaran *mesra mualaf* mesti diwujudkan dan diselaraskan di kalangan tenaga pengajar di kelas-kelas kefahaman Islam, bukan hanya membiarkan sukanan pengajian diolah sendiri mengikut latar belakang pengajar dan pendakwah yang berbeza.

Dicadangkan juga agar implikasi kewangan atau kos *follow-up* dimasukkan dalam budget mana-mana program yang melibatkan masyarakat mualaf yang baru memeluk Islam .

5.3.2 Jaringan Sukarelawan

Bagi melengkapkan suasana dakwah dalam masyarakat, peranan badan bukan kerajaan sama sekali tidak boleh diketepikan. Pihak Unit Dakwah Saudara kita mestilah meletakkan persatuan-persatuan sukarelawan ini sebagai sayap kanan mereka dalam apa jua aktiviti bagi pembangunan masyarakat mualaf. Kebanyakan persatuan ini tidak mempunyai sumber kewangan yang tetap dan kakitangan mereka kurang mendapat latihan dari masa ke semasa.

Maka peranan pihak berkuasa pula untuk memastikan hak mereka terus disalurkan untuk tujuan latihan serta pengembangan bakat ke arah melebarkan dakwah islamik yang bersifat futuristik yang mempunyai visi dan misi dakwah kontemporari. Mereka perlu diberi sokongan samada dalam bentuk penyediaan modul latihan para sukarelawan mahupun bantuan kerjasama program.

Penyelarasian program juga boleh diadakan bagi mengelakkan isu-isu pertindihan atau terlepas pandang kepada sudut – sudut yang perlu diberi

penekanan. Maka dicadangkan suatu forum “Panel Sokongan Mualaf Selangor” yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor dan forum ini mengadakan mesyuarat secara berkala samada penyelarasan kalender kerja tahunan atau penyelarasan separa tahun bagi menyelaraskan agenda dakwah secara *turbah* (dakwah turun ke bawah).

5.4 Cadangan dan saranan kepada pihak berkuasa

Dalam memperkatakan tentang hak, kita tidak lepas dari membicarakan kebijakan yang nak disalurkan. Penyaluran kebijakan ini mestilah berdasarkan *maṣlahah*.

1. *Maṣlahah*,⁷⁴ *maṣlahah* yang diakui ajaran syari'ah, yang terdiri dari tiga tingkat keperluan manusia, iaitu:

1.1- *Dharuriyyah* (bersifat mutlak) kerana ia berkait rapat dengan komponen kehidupannya sendiri sebagai manusia, iaitu memelihara dirinya (jiwa, raga dan kehormatannya) akal fikirannya, harta bendanya, nasab keturunannya dan kepercayaan keagamaannya. Kelima tersebut biasanya disebut *al-kulliyat al-khams* atau *al-dharuriyyat al-khams*, yang menjadi dasar *maṣlahah* (kepentingan dan keperluan manusia).

⁷⁴ *Maṣlahah* mempunyai persamaan dengan kalimah *manfa'ah* sama ada dari segi wazan ataupun makna, dimana ia merupakan kata terbitan yang bererti kemenafaatan. Lihat Muhammad Sa'id Ramadhan al-Büti (1992), *Dawābiṭ al-Maṣlahah fi al-Šari'ah al-Islāmiyyah* (cetakan keenam) Beirut: Muassasah Risalah. m.s. 27.

1.2. *Hājīyyah* (keperluan utama) untuk menghindarkan kesulitan dan kemelaratan dalam kehidupannya.

1.3. *Tahsiniyyah* (kebijakan berstatus pelengkap) dalam rangka memelihara sopan santun dan perhiasan dalam kehidupan.⁷⁵

Berasaskan faktor-faktor tersebut, terutama perkara *al-dharuriyyat al-khams* yang kelima iaitu menjaga akidah atau kepercayaan beragama, saya menyokong syor yang disepakati bersama pihak Angkatan Belia Islam Malaysia⁷⁶ dengan pertubuhan yang bukan kerajaan lain mengesa pihak berwajib mempertimbangkan terhadap langkah-langkah komprehensif ke arah menyekat gejala murtad yang semakin berkembang yang turut melibatkan mualaf. Berikut adalah saranan dan cadangan tersebut:

- (i) Mencadangkan supaya undang-undang digubal bagi menentukan hanya Mahkamah Syariah sahaja yang berhak memutuskan sama ada seseorang itu telah murtad atau tidak.
- (ii) Menggesa supaya semua negeri-negeri yang belum mempunyai peruntukan undang-undang bagi menangani gejala murtad berbuat demikian

⁷⁵ Abū Ishaq al-Šyāṭibī (t.1), *al-Muwāfakāt fī Uṣūl al-Šyarī'ah*, j. 3, Bāyrūt : Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah... m.s. 7.

⁷⁶Resolusi Bengkel Menangani Gejala Murtad Angkatan Belia Islam Malaysia, Pusat Bandar Sri Rampai Kuala Lumpur, 7 September 1998.

dan memastikan peruntukan-peruntukan yang dibuat adalah selaras dan seragam di semua negeri.

Ini adalah kerana isu murtad bukan satu isu baru. Ia telah muncul dan wujud di tengah-tengah masyarakat Islam setempat sejak beberapa tahun yang lalu. Ia wujud bukan hanya sebagai duri dalam daging, malah sebagai satu bisul yang boleh meletup pada bila-bila masa terutama kepada kepada masyarakat mualaf yang menghadapi masalah.

Yang menyediakan ialah walaupun masalah murtad ini telah lama wujud, undang-undang pentadbiran agama Islam di negeri-negeri masih lagi di takuk lama. Tak hairanlah kita ada pihak yang mengatakan bahawa undang-undang mengenainya masih longgar.⁷⁷

Disebabkan undang-undang yang dikatakan masih "longgar" inilah maka hingga hari ini, ada pengamal undang-undang sivil yang tidak keberatan memberi khidmat nasihat dan guaman kepada sesiapa sahaja yang ingin keluar daripada agama Islam. Bagi mereka yang bersedia berbuat demikian, khidmat nasihat dan guaman yang diberi (iaitu menyediakan akuan) dianggap sebagai tugas biasa, tak ada bezanya dengan tugas-tugas harian bagi semua anak guam yang lain.

⁷⁷ Lihat Utusan Malaysia, 21 Januari 1998 di bawah tajuk "Undang-undang longgar punca murtad meningkat".

Peranan media massa di masa kini amat penting sebagai alat penyebar maklumat. Medium media cetak seperti surat khabar, majalah, risalah, jurnal, komik perlu digembelangkan dengan peranan media elektronik seperti televisyen, radio, disekalikan dengan ICT Teknologi Maklumat seperti komputer, emel, laman web dalam menggerakkan tanggungjawab menerangkan keindahan serta kebahagian berada di dalam kehidupan beragama Islam.

Sebagai contohnya, filem, drama, sketsa mahupun klip video mahupun iklan – iklan yang mengisahkan cara hidup Islam atau bertemakan kehidupan yang berasaskan adab serta akhlak yang mulia kepada perlu dibanyakkan serta digalakkan oleh pihak kerajaan. Mungkin boleh difikirkan insentif kepada pengusaha industri ini oleh Kementerian Penerangan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan pada masa yang sama drama dan filem yang membawa nilai negatif hendaklah dikurangkan dari masa ke semasa.

Program-program penerangan Islam berbentuk forum atau wawancara dengan bekas-bekas mualaf atau muslim *non-malay* yang kini menjadi tokoh dalam pelbagai bidang di dalam masyarakat boleh dijadikan sebagai program mingguan samada di dalam radio atau siaran television. Lebih menarik lagi

jika program diadakan dengan pelbagai bahasa dengan persembahan yang menarik.

Bagi pihak pendakwah atau guru masyarakat mualaf pula, mereka boleh menjadikan program-program di media massa ini sebagai sukan tambahan atau pengukuhan dengan apa yang telah diajarkan di kelas-kelas agama yang telah diadakan. Bagi golongan mualaf yang ada berminat untuk memahami dan seterusnya memeluk Islam, mereka boleh terus *access* dengan program penerangan Islam secara terus dan mudah dari kaca television atau siaran radio mereka.

Penulis ingin merumuskan perbincangan ini dengan menyatakan betapa perlunya semua pihak agensi pelaksana mahupun orang perseorangan memahami secara mendalam akan model penyaluran hak mualaf menurut perspektif Islam serta pelaksanaannya. Pemahaman tentang sistem nilai dan prinsip Islam yang mengizinkan pendekatan yang berlainan asalkan tidak bercanggah dengan perkara-perkara asas di dalam Islam.

Langkah yang diperlu dilakukan ialah :

1. Pendefinisan Semula - Penakrifian semula maksud mualaf (dalam konteks Malaysia) hendaklah mengambil kira faktor-faktor latarbelakang akademik dalam memahami agama dan prestasi yang ditunjukkan. Pada masa yang sama mereka perlu dikategorikan kepada

beberapa kategori iaitu orang tua dan cacat, golongan mualaf yang miskin di bandar, golongan mualaf miskin di sektor tradisional (pertanian dan perikanan) dan golongan mualaf yang disisihkan oleh keluarga dan mualaf dari masyarakat bukan Islam yang ingin mendalamai tentang agama Islam juga anak-anak mualaf muda yang tidak mempunyai kemahiran dan berpendidikan rendah.

2. Mengadakan “ Seminar Hak Mualaf dalam konteks Malaysia”, satu seminar berkaitan di peringkat kebangsaan patut diadakan kemudian di perincikan di peringkat negeri dan daerah .
3. Menyediakan suatu yang dinamakan “ Laporan Kemajuan Mualaf ” di semua peringkat - Pihak agensi-agensi pelaksana dan semua kerajaan negeri patut menyediakan laporan negeri masing-masing di dalam jangka masa tertentu contohnya dalam tempoh 3 tahun. Kompilasi laporan dari agensi-agensi pelaksana dan kerajaan negeri ini hendaklah dibukukan supaya dapat dijadikan rujukan dan perbandingan.
4. Mengemaskinikan “Pendekatan Penyaluran Hak Mualaf” - Pendekatan umum atau makro dan mikro perlu digabungkan dan dijalankan secara seimbang supaya hasil yang diperolehi juga seimbang dan menyeluruh.

Kaedah yang dicadangkan bagi proses peningkatan kualiti mualaf adalah:

- (i) Memberi bantuan kewangan.
- (ii) Memberi pinjaman untuk meningkatkan produktiviti.
- (iii) Menyediakan peluang pendidikan dan latihan kemahiran hidup.
- (iv) Menyediakan bantuan dan sumbangan kepada golongan mualaf.
- (v) Menggalakkan pihak swasta juga sukarelawan menjalankan operasi dakwah di kalangan mualaf dengan galakan terpimpin.
- (vi) Insentif kepada majikan yang memberi pelepasan kepada pekerja yang keluar untuk belajar Islam.
- (vii) Menggalakkan institusi Islam menyediakan peluang pekerjaan di kalangan mualaf yang berpotensi untuk maju dalam kerjaya mereka.

5. Penilaian semula terhadap program-program pembangunan mualaf termasuk yang disediakan oleh pihak swasta dan juga pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan merangka program-program tersebut tanpa mengira latar belakang kaum dan agama.

6. Mengguna pakai konsep penempatan semula golongan mualaf dalam perkampungan yang dimajukan secara menyeluruh seperti program Desa Kasih atau Lindungan Kasih dan Pondok Hidayah.

7. Penekanan Aspek Pendidikan, perlu diwujudkan skim tertentu bagi membuka lebih banyak peluang pendidikan khususnya untuk golongan mualaf

Islam dan mualaf *non-muslim*. Ini boleh dilakukan dengan mengenal pasti potensi dan kecenderungan para belia mualaf yang tidak mendapat peluang melanjutkan pelajaran ke universiti atau kolej. Di samping itu pihak Baitul Mal juga boleh mewujudkan dana pendidikan bagi bantuan kewangan sara hidup dan keperluan pendidikan kepada pelajar-pelajar universiti atau kolej dari kalangan keluarga mualaf untuk mereka meneruskan pengajian mereka.

8. Dan akhirnya ialah mewujudkan manual “Pemantauan Kerja dan Penyaluran” yang komprehensif, satu mekanisme pemantauan perlu diwujudkan bagi memastikan proses penilaian keberkesanannya sesuatu program adalah konsisten.

Dari perbincangan yang telah dikemukakan berlandaskan teori pengkajian kitab juga pengalaman bersama-sama dengan pasukan dakwah Unit Dakwah Saudara Kita, Jabatan Agama Islam Selangor, saya merumuskan bahawa ruang-ruang baru penyaluran hak kepada golongan mualaf mestilah diterokai dari masa ke semasa berdasarkan keperluan yang terkini.

Pihak berwajib boleh mengorak langkah awal ini dengan menubuhkan unit khas atau sekurang-kurangnya pegawai khas bagi memantau secara *reseach and development* (R&D) akan gerak kerja serta *follow up* saluran hak samada hak yang bersifat *material* atau hak berstatus *non-material* yang perlu diseimbangkan dari masa kesemasa.

Semoga, semua umat Islam di semua peringkat dapat memainkan peranan mereka untuk menyampaikan Islam kepada masyarakat *non-muslim* dengan apa juu cara mengikut kemampuan serta kelayakan yang dikurniakan Allah s.w.t dan seterusnya membantu golongan *mua'llaf* yang ada kecenderungan memeluk Islam juga memberi khidmat kepada mualaf yang sudah memeluk Islam bagi mendapatkan hak-hak istimewa yang diperuntukan oleh agama Islam kepada mereka.

Akhir sekali, saya berdoa agar Allah s.w.t memberkati tulisan saya ini dan seterusnya menjadi *jariah* secara ilmu untuk rujukan para pengkaji isu-isu berkaitan dengan hak mualaf di kemudian hari. AMIN